

JAMES BROOKE DAN ISU PELANUNAN DI BORNEO, 1844-1846

Norizan Kadir*

Abstrak

Kehadiran James Brooke ke Borneo telah membuka fasa baharu dalam sejarah kerajaan Melayu khususnya bagi kerajaan Brunei yang menerima campur tangan British dalam urusan pentadbiran negara dan selanjutnya membawa kepada penguasaan Sarawak. Kedatangan James Brooke turut memberikan pentafsiran baharu terhadap istilah lanun dan pelanunan di wilayah tersebut serta dianggap sebagai satu jenayah yang serius. Semua perbuatan serangan di laut dianggap sebagai lanun sama ada yang disokong oleh pihak kerajaan ataupun secara persendirian. Kegiatan lanun di Borneo dilihat oleh James Brooke sebagai satu halangan dan masalah besar kepada dirinya dan pihak British untuk menguasai perdagangan di wilayah tersebut. Hal ini kerana, banyak kapal-kapal Eropah yang telah diserang oleh kelompok lanun tersebut justeru merugikan kerajaan kolonial. James Brooke meletakkan harapan yang tinggi terhadap monopoli hasil bumi di Sarawak dan Labuan. Oleh yang demikian, pelbagai strategi dan taktik yang digunakan oleh James Brooke untuk menumpaskan kegiatan lanun selain mendapat sokongan pemimpin kerajaan Brunei sendiri yang meminta bantuan James Brooke untuk menumpaskan pemberontakan yang berlaku dalam kerajaan Brunei. Permintaan Sultan Omar Ali Saifuddin dan Pangeran Muda Hashim supaya James Brooke membantu menghadapi musuh politiknya iaitu Pangeran Usop dan rakan kerjasamanya Sharif Usman telah memudahkan lagi proses penjajahan British di Sarawak dan Labuan. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif untuk menganalisis pelbagai rekod dan sumber termasuklah sumber primer dan sekunder yang diperoleh dari *The National Archives*, United Kingdom dan perpustakaan tempatan.

Kata kunci: *James Brooke; lanun; pemberontakan; perhambaan; Borneo*

* Norizan Kadir ialah pensyarah kanan Bahagian Sejarah, Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh, Universiti Sains Malaysia.

Abstract

The arrival of James Brooke in Borneo marked a significant turning point in the historical trajectory of the Malay polities, particularly the Sultanate of Brunei. His presence heralded the beginning of British intervention in the internal administration of Brunei, eventually culminating in the colonisation of Sarawak. Brooke's involvement also led to a redefinition of the concepts of piracy and maritime raiding in the region, framing them as serious criminal offences. All acts of maritime aggression - whether state-sanctioned or independently carried out - were classified as piracy under this new interpretation. From Brooke's perspective, piracy in Borneo represented a major impediment to British ambitions, especially in securing control over regional trade routes. Numerous attacks on European vessels by local pirate groups posed substantial economic losses to the colonial powers, thereby justifying the need for suppression. Brooke, driven by a desire to monopolise the region's natural resources - particularly in Sarawak and Labuan - employed various strategies and military tactics to eradicate piracy. His efforts were bolstered by the support of key Bruneian elites who, facing internal conflict, sought British assistance. The requests by Sultan Omar Ali Saifuddin and Pangeran Muda Hashim for Brooke's help in confronting their political adversaries - namely Pangeran Usop and his ally, Sharif Usman - further facilitated British colonial expansion into Sarawak and Labuan. This paper adopts a qualitative methodological approach, drawing upon a range of archival materials and historical sources, including both primary and secondary documents obtained from The National Archives (United Kingdom) and local libraries.

Keywords: *James Brooke; piracy; rebellion; slavery; Borneo*

Pengenalan

Fenomena atau aktiviti pelanunan adalah perkara yang berlaku di mana-mana kawasan perairan yang menjadi tumpuan aktiviti perdagangan dan pelayaran namun di alam Melayu, istilah tersebut secara teknikalnya muncul bersama-sama dengan era penjajahan. Jika perbincangan mengenai lanun di Borneo atau Tanah Melayu disentuh oleh mana-mana orientalis atau pegawai kolonial, ia tidak bererti kegiatan pelanunan di dunia barat atau Eropah adalah lebih bertamadun berbanding di Timur dari segi kekejaman dan keganasan yang dilakukan oleh kumpulan lanun. Bahkan, kegiatan pelanunan di Eropah dan di Amerika adalah jauh lebih teruk seperti pada pertengahan abad ke-19. Ia bukanlah seperti yang digambarkan oleh Mrs. McDougall, yang menyifatkan "*I could not give a better definition of these bad men who have, for centuries, been the terror of all native trading vessels in the seas of the Eastern Archipelago*" apabila ditanya "*what is a pirate?*"¹

1 Mrs. McDougall tinggal di Sarawak ketika Brooke menguasai Sarawak dan terlibat dalam kegiatan misionari Kristian. *The Straits Times*, "Brooke Dealt Death Blow to Sarawak Piracy", 24 Mac 1956.

Menurut Jelani Halimi, istilah lanun sebagai perompak laut atau bajak laut berasal daripada perkataan Iranun atau Illanun yang merupakan satu suku kaum penduduk asal Pulau Mindanao, selatan Filipina.² Musim melanun pada bulan September juga turut dinamakan sebagai *'Illanun season'* yang merujuk kepada angin timur yang bertiup di Kepulauan Melayu.³ Konotasi seperti itu diberikan oleh pihak kolonial bagi menonjolkan kejahatan orang tempatan yang seolah-olah dilihat asing dalam tamadun Eropah walaupun mereka sebenarnya jauh lebih sinonim dengan kegiatan pelanunan tersebut. Istilah lanun tidak wujud dalam perbendaharaan kata Melayu melainkan selepas abad ke-19M.

Istilah lanun dan pelanunan digunakan dan dipopularkan oleh penjajah Eropah seperti kolonial British. Penggunaan istilah lanun oleh pihak British di Borneo khususnya meliputi jenayah rompakan harta benda, penculikan, perhambaan dan pembunuhan. Hal ini bermaksud ia tidak terhad kepada aktiviti rompakan semata-mata. Demikian juga sikap J. D. Dundas pegawai British di Auckland yang menjelaskan, "*those predatory and violent acts, which may more properly be classed under the name of piracy*".⁴ Demikian juga, oleh kerana pihak kolonial tidak mengiktiraf kerajaan Melayu sebagai "*civilized states*" maka segala aktiviti rompakan atau serangan di laut yang dinaungi oleh pihak kerajaan, turut dilabel sebagai aktiviti lanun meskipun di dunia barat ia adalah terkeluar daripada pengkategorian tersebut.⁵ Oleh yang demikian, apa yang dianggap sah dan bertamadun di dunia barat, sebaliknya dianggap zalim dan "*barbarian*" di dunia timur.

Ia berbeza dengan tradisi Melayu yang tidak menyamaratakan aktiviti rompakan di laut dengan aktiviti pelanunan. Pihak kolonial British menggelarkan "lanun" bagi masyarakat tempatan yang merompak di laut, namun gagal mengiktiraf lanun yang merompak di darat dan bersembunyi di sebalik misi "*civilizing the savage*". Jelasnya, istilah pelanunan ialah istilah yang datang daripada pihak kolonial Eropah yang bertujuan untuk menjustifikasikan proses penjajahan mereka. Ironinya, proses penjajahan tersebut kadangkala dipermudahkan oleh sebahagian masyarakat tempatan yang mempunyai kepentingan tertentu khususnya ketika berlakunya pergolakan politik dalam pemerintahan kerajaan Melayu.

James Brooke menyifatkan aktiviti pelanunan di Timur adalah sangat berbeza dengan aktiviti pelanunan di dunia Barat ekoran daripada kewujudan pelbagai kerajaan dan suku kaum, keadaan semula jadi yang dipengaruhi oleh faktor geografi serta kehadiran kuasa Eropah yang terhad di kawasan pedalaman di kepulauan tersebut. Namun baginya, aktiviti tersebut adalah "*great evil*" yang perlu dihapuskan dengan apa-apa cara sekalipun kerana ia adalah amalan yang sangat berleluasa. Namun, menurut Owen Rutter, aktiviti lanun menyerang kapal-kapal Eropah, terutamanya lanun persendirian sebenarnya semakin meningkat selepas kehadiran kuasa kolonial yang melemahkan kuasa politik masyarakat tempatan.⁶ Ia hakikatnya

-
- 2 Ahmad Jelani Halimi, "Lanun, Pedagang atau Penguatkuasa: Kes Puak Iranun di Johor-Riau", Kertas Kerja dalam Majlis Polemik Sejarah Malaysia, Sesi ke-XVII, 22 Februari 2001, Arkib Negara Malaysia, hlm. 1.
 - 3 James Warren, *Iranun and Balangingi: Globalization, Maritime Raiding and the Birth of Ethnicity*, Singapore: Singapore University Press, 2002, hlm. 168.
 - 4 Piracy (Borneo), "Copies or Extracts of any Despatches relating to the Suppression of Piracy off the Coast of Borneo", 8 Mac 1850. hlm. 5.
 - 5 Lihat misalnya lanun Francis Drake yang melanun bagi pihak Ratu Elizabeth. Robert Anthony, "Turbulent Waters: Sea Raiding in Early Modern South East Asia", *The Mariner's Mirror*, 2013, Vol. 99, No. 1, hlm. 24 & 26.
 - 6 Owen Rutter, *The Pirate Wind: Tales of the Sea-Robbers of Malaya*, Oxford: Oxford University Press, 1986, hlm. 33.

merupakan satu tindak balas masyarakat tempatan terhadap kuasa asing yang telah menguasai sistem ekonomi kerajaan peribumi sehingga pada akhirnya menyebabkan berlakunya monopoli perdagangan dan sumber ekonomi oleh golongan kapitalis kolonial.

Masalah rompakan, keganasan dan penculikan seperti mana yang berlaku di mana-mana kawasan perairan telah menimbulkan kesulitan kepada penduduk setempat khususnya apabila pemimpin atau individu berpengaruh dalam kerajaan turut terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam kegiatan rompakan tersebut. Bagi kerajaan-kerajaan awal yang mempunyai pengaruh yang besar seperti kerajaan Srivijaya, ia berjaya mengawal dan mendapatkan kerjasama “Orang Laut” iaitu kelompok masyarakat yang sering dikaitkan dengan kegiatan pelanunan untuk membantunya menjamin keselamatan para pedagang yang datang berdagang ke pelabuhan-pelabuhan utama kerajaan Srivijaya. Peranan mereka yang dahulunya sebagai lanun, merompak dan merampas barangan dagangan kemudiannya berubah menjadi pengawal keselamatan maritim bagi menjaga kepentingan perdagangan kerajaan.

Masalah pelanunan berlaku di mana-mana kawasan perairan yang menjadi tumpuan aktiviti perdagangan dan pelayaran. Kelompok lanun tersebut mengambil kesempatan atas kawasan maritim yang luas dan sukar dikawal oleh kerajaan yang menguasai wilayah tersebut. Namun, kemasukan kuasa penjajah ke Asia Tenggara khususnya di Borneo, telah menjadikan masalah lanun tersebut sebagai permasalahan utama yang perlu ditangani segera kerana ia melibatkan kepentingan ekonomi mereka. Oleh itu, kelompok lanun tersebut digambarkan sebagai kumpulan manusia yang sangat kejam, zalim dan tidak berperikemanusiaan kerana merompak dan merampas barangan dagangan mereka, membakar kapal-kapal dagangan, membunuh serta menculik anak-anak kapal untuk dijadikan hamba. Seperti yang diungkapkan oleh James Brooke, kegiatan lanun memberikan kesan besar terhadap kegiatan ekonomi dan perdagangan di wilayah-wilayah jajahan British.

Hal yang demikian itu menyebabkan pihak kolonial memberikan perhatian yang serius terhadap usaha-usaha untuk membanteras kegiatan pelanunan. Ia termasuklah usaha dan peranan yang dimainkan oleh James Brooke ketika mula menguasai Brunei. Hubungan akrab antara James Brooke dan Raja Muda Hashim membolehkan usahanya untuk mengambil tindakan proaktif dan signifikan ke arah menghapuskan kegiatan pelanunan di perairan Borneo menunjukkan hasil yang positif. Bagi James Brooke dan pihak British, setiap yang mengganggu kegiatan perdagangan mereka di perairan Borneo dianggap sebagai satu aktiviti pelanunan. Namun, jika dilihat daripada perspektif politik dalaman di Brunei, ia merupakan satu bentuk pemberontakan dan pergolakan politik antara pihak-pihak yang ingin merebut kuasa. Walau bagaimanapun, tidaklah dapat dinafikan bahawa sememangnya wujud kegiatan pelanunan di kebanyakan kawasan perairan di Kepulauan Sulu dan Borneo seperti yang dibahaskan oleh James Francis Warren dalam karyanya “*The Sulu Zone*”. Rompakan kapal-kapal dagangan dengan menculik dan menjadikan tawanan sebagai hamba (*slave raiding*) merupakan aktiviti yang berlaku secara meluas di Borneo.⁷ Hamba-hamba yang ditangkap dijual sebagai buruh, pekerja ladang dan dijual beli semula untuk pelbagai keperluan.

7 James Warren, *The Sulu Zone, 1768–1898: The Dynamics of External Trade, Slavery, and Ethnicity in the Transformation of a Southeast Asian Maritime State*, Singapore: Singapore University Press, 1981; Lihat juga James Warren, “Slave Markets and Exchange in the Malay World, The Sulu Sultanate, 1770–1878”, *Journal of Southeast Asian Studies*, 1977, Vol. 8, No. 2.

Kegiatan pelanunan tersebut turut menjejaskan ekonomi dan perdagangan penduduk tempatan. Penduduk tempatan sendiri yang diculik telah dijual sebagai hamba di pasar-pasar utama. Penculikan untuk dijadikan hamba dikatakan lebih mudah dilakukan dan menguntungkan berbanding jenis-jenis rompak yang lain. Bandar Jolo, Sulu misalnya menjadi lokasi penting bagi pusat atau pasaran hamba terbesar di rantau Asia Tenggara dengan hampir separuh daripada penduduknya adalah hamba.⁸ Antara tahun 1770 dan 1870, dianggarkan terdapat 300,000 orang hamba yang diperdagangkan di Sulu.⁹ Bagi menghadapi masalah serangan lanun tersebut, kerajaan Brunei di bawah pemerintahan Sultan Omar Ali Saifuddin dan bendaharanya Pangeran/Raja Muda Hashim telah meminta bantuan British melalui James Brooke untuk menangani masalah lanun tersebut. Permintaan tersebut umpama “*kill two birds with one stone*” bagi James Brooke kerana “*the very best instruments, not only for the suppression of piracy, but for the general advancement of our commercial interest*”.¹⁰

Kerajaan Brunei dan James Brooke

Hubungan antara James Brooke dengan kerajaan Brunei mula terjalin menerusi persahabatan yang wujud antara James Brooke dengan Pangeran Muda Hashim sejak tahun 1839 apabila beliau tiba di Sarawak buat kali kedua. James Brooke telah disambut dengan begitu mesra oleh Pangeran Muda Hashim di muara Sungai Sarawak sekaligus menandakan permulaan pengaruh British yang signifikan khususnya di Sarawak.¹¹ Pada ketika itu, Pangeran Muda Hashim dan Sultan Brunei menyatakan hasrat untuk mendapatkan bantuan kerajaan British bagi menangani masalah lanun yang sering mengganggu aktiviti perdagangan di Borneo. Sebagai balasannya, Brunei menjanjikan perlindungan terhadap perdagangan British di wilayah tersebut. Dalam tempoh sebelum pihak British memberikan persetujuan mengenai permintaan tersebut, Sultan Brunei dan Pangeran Muda Hashim berjanji untuk tidak menandatangani perjanjian dengan mana-mana kuasa asing lain.¹² Sultan Brunei dan Pangeran Muda Hashim juga menyatakan kesediaannya untuk membantu British untuk menyekat kegiatan lanun dalam batas wilayah mereka sekaligus menjamin keselamatan perdagangan British di kawasan tersebut. Dalam banyak hal yang berkaitan kerjasama antara Brunei dengan pihak British, Pangeran Muda Hashim dilihat memberikan pengaruh yang besar terhadap keputusan Sultan Omar Ali Saifuddin.

-
- 7 James Warren, *The Sulu Zone, 1768–1898: The Dynamics of External Trade, Slavery, and Ethnicity in the Transformation of a Southeast Asian Maritime State*, Singapore: Singapore University Press, 1981; Lihat juga James Warren, “Slave Markets and Exchange in the Malay World, The Sulu Sultanate, 1770–1878”, *Journal of Southeast Asian Studies*, 1977, Vol. 8, No. 2.
 - 8 Owen Rutter, *The Pirate Wind: Tales of the Sea-Robbers of Malaya*; Robert Anthony, “Turbulent Waters: Sea Raiding in Early Modern South East Asia”, hlm. 34.
 - 9 Robert Anthony, “Turbulent Waters: Sea Raiding in Early Modern South East Asia”, hlm. 34. Di Borneo Utara, serangan terhadap penduduk tempatan yang cuba menyeberangi Teluk Darvel dilakukan oleh kumpulan lanun yang cuba merampas barangan yang dibawa. Evan Macgregor, *Papers Relating to the Recent Operations of H.M.S. ‘Zephyr’ Against Natives of North Borneo, 29 April 1887*, London: Eyre and Spottiswoodes, hlm. 2.
 - 10 FO 572/1, Papers Respecting Borneo 1844–1847, hlm. 19.
 - 11 Pangeran Muda Hashim digambarkan oleh James Brooke dan pegawai British yang lain sebagai sangat mesra dan memberikan kerjasama yang baik terhadap pihak British.
 - 12 Surat Sultan Brunei kepada pihak British dalam FO 572/1 Papers Respecting Borneo, 1844–1847.

Kesetiaan Pangeran Muda Hashim terhadap James Brooke dan pihak British memberikan keyakinan kepada James Brooke untuk tidak terburu-buru melaksanakan rundingan selanjutnya sehingga kerajaan British memberikan kata putus mengenai perjanjian dengan kerajaan Brunei. *"The entire good-will and devotion of the Rajah Muda Hassim and his family to the English, and their ardent desire for British protection, encouraged me not to advance further in any negotiation, but to await the final decision of Her Majesty's Government on the subject."*¹³ James Brooke seperti mana pegawai kolonial British kelas pertama lain (walaupun pada awalnya bermula sebagai pedagang di Borneo) dengan mudah dapat memahami dan menguasai sistem dan budaya politik di Brunei dalam tempoh masa yang singkat keberadaannya di sana. Beliau juga menyedari kerajaan Brunei sedang mengalami kemerosotan. Perkara ini membolehkannya mula merancang dengan licik strategi dan pendekatan yang efektif untuk memperdaya kerajaan Brunei sekaligus menguasai Sarawak dan Labuan.

Sultan Omar Ali Saifuddin disifatkan oleh James Brooke sebagai lemah daya inteleknya, kurang bertanggungjawab dan hanya mentadbir secara nominal. Kuasa dan pentadbiran sebenar dijalankan oleh ibu beliau dan Pangeran Muda Hashim. Setelah kematian ibunya dan ketiadaan Pangeran Muda Hashim kerana menguruskan masalah pemberontakan di Sarawak, pentadbiran di Brunei banyak dipengaruhi dan ditentukan oleh Pangeran Usop. Pangeran Muda Hashim pula disifatkan oleh James Brooke sebagai *"well-disposed prince, not deficient in ability or energy when roused, but of indolent and dilatory habits and easily influenced by those around him, at the same time he is particularly favourable to the English and fond of their society."*¹⁴ Walau bagaimanapun, Pangeran Badarudin, adik tiri Pangeran Muda Hashim dikatakan lebih menonjol dalam kebijaksanaannya dan individu yang sebenarnya berperanan penting dalam pentadbiran kerajaan Brunei. Sementara itu, Pangeran Usop pula disifatkan sebagai bijaksana dan teguh dalam pendiriannya, namun kurang popular dan secara senyap menentang Pangeran Muda Hashim. Beliau juga dikatakan bersubahat dengan lanun dan membuat pakatan rahsia di Teluk Marudu.

Dengan memahami dan menguasai karakter setiap individu penting dalam kerajaan tersebut, James Brooke dapat menyusun atur perancangannya dengan teliti untuk menguasai Brunei dan Sarawak. Segala kekuatan dan kelemahan setiap pemimpin kerajaan Brunei tersebut diperhalusi dan dimanfaatkan sepenuhnya oleh James Brooke bagi memudahkan pertapakan kuasa British di wilayah Borneo. Dengan penuh perasaan bangga, beliau menjelaskan dengan mudah akan dapat menguasai apa-apa sahaja yang diinginkan di Borneo, jika beliau menuntutnya daripada Sultan Brunei. Petikan suratnya itu turut digunakan oleh H. H. Lindsay pada 21 Februari 1852 bagi membuktikan tindakan James Brooke yang hendak memonopoli hak eksklusif ke atas arang batu di Borneo. Jelas Brooke dalam suratnya bertarikh 13 Mac 1843:

"Regarding the deed of the Sultan granting the country to me, it has at present a clause reserving the revenue of the Chinese, but you may rest assured that he will grant anything which may be requested of him; and one of the easiest points to

13 *Ibid.*, hlm. 9.

14 FO 572/1, Papers Respecting Borneo 1844-1847, hlm. 9.

obtain would be the monopoly of the Borneo coal, and the cession of the Island of Labuan, at the mouth of the river.”¹⁵

Pemikiran dan strategi penjajah dalam menguasai penduduk tempatan dan tanahnya tidak sentiasa melalui jalan kekerasan dan peperangan. Mereka hanya mempelbagaikan taktik dan strategi yang bersesuaian dengan keadaan, konteks budaya masyarakat dan pemerintahnya. Oleh sebab itu, berbanding kebanyakan kuasa penjajah lain di Asia Tenggara, kolonial British dilihat oleh penduduk tempatan sebagai lebih bertimbang rasa dan berperikemanusiaan. Hal yang demikian juga tertanam dalam pemikiran sebahagian penduduk Islam di selatan Filipina ketika mereka mengharapkan bantuan dan kerjasama British untuk memerangi penjajah Sepanyol yang disifatkan lebih zalim dan tidak berperikemanusiaan. Sultan Sulu, Sultan Jamalul Alam misalnya menandatangani perjanjian penyerahan sebahagian pantai timur Borneo Utara kepada Gustavus Baron von Overbeck pada tahun 1878 antara lain adalah bagi mendapatkan bantuan British untuk menghadapi tekanan daripada kolonial Sepanyol. Dalam konteks penguasaan British di Sarawak, perkara ini diterjemahkan dengan jelas oleh James Brooke:

“In the case of Labuan, we shall have an acknowledged independent State in our vicinity; and for the prosperity of our settlement we must retain our ascendancy by the support of the Government of the Sultan and Muda Hassim. Let our influence be, of the mildest kind; let us, by supporting the legitimate Government, ameliorate the condition of the people by this influence; let us pay every honour to the native Princes; let us convince them of our entire freedom from all selfish views of territorial aggrandizement on the main land of Borneo, and we shall enjoy so entire a confidence, that, virtually, the coast will become our own without the trouble or expense of possession.”¹⁶

James Brooke juga menegaskan hubungan dengan peribumi perlu diadakan dengan harmoni dan berhati-hati kerana jika interaksi dilakukan oleh orang Eropah yang jahil tentang budaya tempatan dan kesombongan, ia hanya akan menumpahkan darah serta menimbulkan huru-hara dalam masa yang singkat. Menurutnya, mengekalkan persefahaman yang baik antara *“ignorant civilized men and ignorant savages”* adalah perlu bagi faedah pihak penjajah iaitu British dan pihak yang dijajah sendiri.¹⁷ Pada hakikatnya, perkara ini adalah bagi kepentingan dan manfaat mutlak pihak kolonial yang ingin mendominasi tanah jajahan untuk jangka masa panjang sementara penduduk peribumi hanya dapat menikmati sisa-sisa ekonomi dan politik yang kurang penting dan kurang signifikan.

Tumpuan dan minat James Brooke terhadap Borneo adalah berdasarkan keyakinannya bahawa Borneo memiliki kekayaan sumber dan khazanah alam yang sangat banyak meliputi sumber mineral, pertanian dan hasil hutan serta tanah yang subur. Jika pihak British ingin

15 Borneo (Piracy). Further Correspondence Respecting Piracy on the Coast of Borneo (In Continuation of Papers presented March 23, 1852). Presented to the House of Commons by Command of Her Majesty, in pursuance of their Address of June 30, 1852, hlm. 1.

16 FO 572/1, Papers Respecting Borneo 1844-1847, hlm. 16.

17 FO 572/1, Papers Respecting Borneo 1844-1847.

mengeksploitasi sumber alam tersebut, ia perlu membuat pembangunan dan ia hanya boleh dilakukan dengan melakukan lebih banyak perhubungan dan interaksi dengan penduduk peribumi di kawasan pedalaman. Oleh yang demikian, beliau melihat pihak British perlulah terlebih dahulu mengadakan perjanjian dengan kerajaan Brunei. Pulau Labuan dan Balambangan dilihat akan memberikan lonjakan yang besar dalam kegiatan perdagangan. Labuan juga dirancang untuk dijadikan stesen tentera laut bagi melindungi kepentingan British di Borneo. James Brooke menyifatkan penguasaan ke atas Labuan menandakan pengaruh British ke atas kerajaan Brunei telah lengkap sepenuhnya.¹⁸ Pada tahun 1843, Sultan Brunei telah memberikan hak kepada James Brooke untuk mentadbir Sarawak dengan syarat beliau perlulah menghormati agama dan adat penduduk tempatan. Sebagai balasan, James Brooke bersetuju untuk membantu Sultan Brunei dan Pangeran Muda Hashim jika diperlukan. James Brooke juga perlu membayar pendapatan daripada hasil pentadbiran Sarawak kepada Sultan Brunei, Pangeran Muda Hashim dan beberapa orang pemimpin kerajaan Brunei yang lain. Sultan Brunei bahkan turut menawarkan Labuan kepada pihak British pada tahun yang sama agar dapat membangunkan kawasan tersebut dan menggalakkan lagi aktiviti perdagangan khususnya dari China.

Kerjasama Brunei dengan James Brooke Membanteras Lanun

Kehadiran James Brooke di Sarawak bukan hanya membuka prospek baharu dalam peluasan kuasa British di Borneo, tetapi juga memberikan harapan baharu kepada Pangeran Muda Hashim dan Sultan Omar Ali Saifuddin untuk mendapatkan bantuan British bagi menangani masalah lanun di Borneo. Bentuk kerjasama atau perjanjian tersebut pada awalnya dilihat memberikan manfaat dan kelebihan kepada kerajaan Brunei. Namun, pihak British kemudiannya dengan penuh kelicikan menuntut pelbagai perkara daripada Sultan Brunei sebagai balasan membantunya menghadapi isu pelanunan. Pihak British menggunakan pelbagai taktik yang berhubung tindakannya untuk membanteras lanun. Ia termasuklah permintaan untuk menubuhkan sebuah stesen tentera laut di pantai barat laut Borneo yang dianggap perlu bagi menyediakan kemudahan kapal perang British dan perdagangan secara amnya. Sultan Brunei juga dilarang untuk mengadakan sebarang bentuk perjanjian dengan mana-mana kuasa asing lain ketika perjanjian berkaitan membanteras lanun tersebut masih lagi dipertimbangkan oleh pihak British. Untuk tujuan tersebut, James Brooke telah dilantik sebagai wakil pihak British dan bertanggungjawab untuk berbincang dengan Sultan Brunei berkaitan syarat-syarat perjanjian.

Pejabat Luar Negeri dan Pejabat Tanah Jajahan British pada peringkat awal masih ragu-ragu dengan polisi untuk campur tangan dalam pertikaian dalaman Brunei dan keperluan untuk peluasan kuasa di wilayah Borneo. Ia juga termasuk daripada langkah berjaga-jaga mereka untuk tidak menimbulkan masalah dengan kuasa kolonial lain seperti Belanda terutamanya selepas Perjanjian Inggeris-Belanda ditandatangani pada tahun 1824. James Brooke diingatkan secara khusus oleh Setiausaha Hubungan Luar British pada tahun

18 *Ibid.*, hlm. 15. Berikutan kebimbangan terhadap pengaruh Belanda yang semakin kuat, dan peristiwa pembunuhan Raja Muda Hashim serta Pangeran Badarudin, British telah menyegerakan pendudukan Labuan pada tahun 1846.

1844, agar sebarang perjanjian yang dibuat dengan Sultan Brunei atau mana-mana raja di Borneo hendaklah mematuhi Perjanjian Inggeris-Belanda yang dimeterai pada 17 Mac 1844. Setiausaha Luar British, Aberdeen mengingatkan supaya perjanjian yang dibuat hanyalah dengan kerajaan yang bebas dan tidak terikat dengan mana-mana kuasa luar lain. Pejabat Luar British pada ketika itu masih meneliti sejauh mana pengaruh dan tanah jajahan Belanda di wilayah Borneo.

Kedua-dua pihak British dan Belanda saling bersaing antara satu sama lain untuk meluaskan empayar mereka namun masih menjadikan Perjanjian Inggeris-Belanda sebagai rujukan asas agar kedua-duanya tidak mencero boh wilayah naungan atau jajahan masing-masing. James Brooke sebaliknya, begitu ghairah dan bersungguh-sungguh untuk meluaskan kekuasaan British di wilayah Borneo. Dalam nada yang berhati-hati, dalam surat-menyuratnya kepada pejabat tanah jajahan dan pejabat luar, beliau memberikan gambaran dan situasi mendesak tentang keperluan British mengadakan perjanjian segera dengan Sultan Brunei. Beliau kadangkala menggunakan permintaan Sultan Brunei dan Pangeran Muda Hashim sebagai alasan untuk mendesak kerajaan British segera mengeluarkan keputusan akhir tentang perjanjian tersebut. Beliau menyebutkan dalam suratnya:

*"I have only to repeat that the Sultan and Muda Hashim now wait the final decision of Her Majesty's Government on the question; and whether ultimately Her Majesty's Government should require the cession of the Island of Labuan, or merely enter into a treaty for the suppression of piracy and the protection of commerce."*¹⁹

Kebimbangan terhadap kemasukan kuasa asing lain ke wilayah tersebut turut menjadi alasan bagi James Brooke dan Sultan Brunei serta Pangeran Muda Hashim sendiri untuk mempercepatkan proses rundingan. Misalnya Pangeran Muda Hashim dan Pangeran Badarudin menghantar memorandum kepada James Brooke bagi memaklumkan bahawa kapal perang Amerika tiba di Borneo untuk mengadakan perjanjian persahabatan dengan kerajaan Brunei.²⁰ Ia turut disertai dengan hasrat kolonial Amerika untuk mengadakan perjanjian mengenai monopoli arang batu dan perdagangan di Borneo. Sultan Brunei dan Pangeran Muda Hashim telah beberapa kali menghantar surat kepada James Brooke agar mempercepatkan proses rundingan dan perjanjian dengan kerajaan British terutamanya ketika kerajaan Brunei berada pada saat-saat genting menghadapi tekanan dan ancaman serangan oleh Sharif Usman. Pangeran Muda Hashim turut memaklumkan tentang beberapa percubaan Pangeran Usop untuk mempengaruhi Sultan Omar Ali Saifuddin untuk tidak mengadakan perjanjian dengan British.

Tindakan berhati-hati pejabat luar British dalam mengadakan perjanjian dengan Sultan Brunei itu dilakukan bagi mengelakkan kejadian yang pernah berlaku dengan pihak Belanda sebelum itu berulang iaitu berhubung penguasaan Stamford Raffles ke atas Singapura. British pada awalnya juga tidak bersetuju dengan perancangan Stamford Raffles menguasai Singapura dan perkara tersebut telah menimbulkan pertikaian dengan pihak Belanda ekoran daripada Perjanjian Inggeris-Belanda 1824. Namun, James Brooke seperti mana Stamford Raffles, memiliki keghairahan yang tinggi untuk meluaskan empayar British dan melihat prospek

19 FO 572/1, Papers Respecting Borneo 1844-1847, hlm. 10.

20 *Ibid.*, hlm. 20.

yang menguntungkan jika mereka dapat menguasai wilayah Borneo. Sikap James Brooke ini sememangnya terserlah yakni selepas beliau menguasai Sarawak dan Labuan, beliau turut merancang dan mengambil langkah-langkah untuk menguasai Borneo Utara namun akhirnya terpaksa akur dengan kegagalannya apabila Pejabat Luar British lebih memihak kepada pakatan Alfred Dent dan Gustavus Baron von Overbeck. Dalam komunikasinya dengan Pejabat Luar British, beliau cuba meyakinkan tentang kepentingan menguasai Labuan khususnya sebagai tempat pelabuhan kapal-kapal British, tempat pembekalan bahan bakar untuk kapal wap, tempat perlindungan bagi insiden kapal karam di Pulau Palawan dan dapat berfungsi sebagai pelabuhan perdagangan. Beliau bagaimanapun berpandangan, Pulau Balambangan memerlukan lebih banyak sistem sokongan untuk mengukuhkan perlindungannya. Pihak British dalam masa yang sama, turut menghantar ahli geologi, untuk mengkaji kuantiti dan kualiti arang batu di Labuan sama ada ia sesuai ataupun tidak untuk kapal wap British dan bagi kepentingan ekonomi kapitalisme imperial mereka.

Pada peringkat awal, Sultan Omar Ali Saifuddin yang banyak menerima nasihat Pangeran Muda Hashim bersetuju untuk menerima kerjasama dengan James Brooke bagi menghadapi masalah lanun. Sultan Omar Ali bahkan menawarkan Labuan kepada pihak British pada tahun 1843 bagi mengatasi masalah pelanunan dan untuk menggalakkan lagi kegiatan perdagangan. Sultan dan Pangeran Muda Hashim melihat pihak British dapat memberikan sumbangan yang besar terhadap usaha mereka menangani masalah lanun yang banyak merugikan kerajaan Brunei. Kemampuan dan keupayaan pihak British dari segi ketenteraan laut sangat diharapkan pada ketika itu untuk menghapuskan kegiatan pelanunan di Borneo. Sultan Omar Ali dan Pangeran Muda Hashim turut menawarkan bantuan sekiranya diperlukan bagi menghadapi masalah lanun tersebut. Lebih khusus lagi, Pangeran Muda Hashim meminta bantuan British untuk menghadapi masalah lanun yang dikatakan didalangi oleh Pangeran Usop menerusi kerjasamanya dengan Sharif Usman di Teluk Marudu. Pangeran Muda Hashim memberi amaran kepada Sharif Usman di Teluk Marudu dan Illanun di Tampasuk mengenai perjanjiannya dengan pihak British supaya mereka berhenti melakukan kegiatan pelanunan di perairan Borneo.²¹ Tindakan tersebut disifatkan oleh James Brooke sebagai tidak matang kerana ia telah mengundang serangan daripada Sharif Usman khususnya terhadap kapal Eropah yang berada di Pulau Mangsi. Sharif Usman juga turut mengancam untuk menyerang Brunei ekoran daripada amaran tersebut.

Dalam setiap zaman, persoalan pengkhianatan dan pembela bangsa ini sering mengundang pertikaian dalam masyarakat. Di satu pihak, kerjasama dengan musuh bangsa itu dianggap sebagai satu bentuk pengkhianatan sementara, manakala satu pihak yang lain beranggapan kerjasama tersebut adalah bertujuan baik demi mewujudkan keamanan dan kestabilan dalam kerajaan. Dalam kaitan ini, kedudukan dan peranan Pangeran/Raja Muda Hashim dan adik tirinya Pangeran Badarudin dilihat oleh Pangeran Usop dan Sharif Usman sebagai pengkhianat kerana bekerjasama dengan James Brooke untuk membanteras masalah lanun. Sebaliknya, bagi Pangeran Muda Hashim, individu seperti Pangeran Usop merupakan “musuh dalam lipatan” sebenar kerana meskipun memiliki kedudukan dan pengaruh dalam kerajaan Brunei, namun Pangeran Usop telah menyalahgunakan kedudukan tersebut apabila berpakat dengan Shariff Usman dalam kegiatan pelanunan yang merugikan kerajaan Brunei

21 FO 572/1, Papers Respecting Borneo 1844-1847, hlm. 9.

sendiri. Penglibatan dan bantuan pihak British dalam menangani masalah lanun di Borneo telah banyak memberikan kelegaan kepada Pangeran Muda Hashim terutamanya bagi kawasan dari Tanjung Api hingga ke Borneo. Pihak British juga meletakkan harapan yang tinggi untuk menghapuskan masalah lanun di seluruh pantai utara Borneo dalam tempoh masa yang singkat.

Taktik James Brooke Menghapuskan Kegiatan Pelanun

Antara pemerhatian James Brooke terhadap kegiatan pelanun di Borneo ialah sebahagian pemerintah juga terlibat dalam kegiatan tersebut dan mengambil keuntungan dengan pelbagai cara termasuklah membeli hamba hasil daripada rompakan tersebut. Beliau mengkategorikan lanun di Borneo kepada tiga kumpulan iaitu mereka yang membuat pelayaran jarak jauh menggunakan kapal atau perahu yang lengkap bersenjata seperti Illanun. Kumpulan kedua ialah serangan Dayak yang singkat tetapi merosakkan menggunakan perahu yang ringan dan pantas. Ia hanya bertujuan untuk memberikan kejutan berbanding melakukan serangan secara terbuka. Kumpulan ketiga yang digelar James Brooke sebagai paling buruk ialah daripada keturunan separuh Arab yang menjadi pemerintah di sebahagian kawasan dalam kerajaan Melayu. Mereka ini dikatakan membentuk "*nucleus for piracy*" iaitu menyediakan kemudahan kapal-kapal, menghantar para pengikutnya untuk aktiviti rompakan serta membuat keuntungan menerusi tukaran barang makanan dan senjata dengan memberikan hamba-hamba yang telah ditawan sebagai bentuk bayaran balik.²²

Antara serangan yang dilakukan ke atas komuniti ini termasuklah serangan oleh Kapten Keppel sehingga mengakibatkan pemimpin-pemimpin seperti Sharif Sahib dan Sharif Muller melarikan diri. Atas permintaan kerajaan Brunei, Kapten Keppel menyerang Saribas dan Sakarran pada tahun 1843 dan 1844.²³ Serangan besar-besaran turut dilakukan pada tahun 1849 ke atas penduduk Saribas dan Sakarran sehingga mengakibatkan ramai penduduk Dayak terkorban. Tindakan tersebut kemudiannya telah dipersoalkan oleh William E. Gladstone, Perdana Menteri Britain pada tahun 1877 kerana James Brooke dianggap tidak mengikut undang-undang dalam menangani masalah lanun tersebut dan disifatkan sebagai "*lawless operation*".²⁴

Seperti biasa, apabila pemimpin-pemimpin tempatan ini berjaya diperangi oleh pihak British, mereka kemudiannya akan menggantikannya dengan pemimpin Melayu lain yang lebih cenderung untuk berpihak kepada British. Antara yang termasuk dalam komuniti sharif yang dimusuhi oleh pihak British atas alasan beliau terlibat secara langsung dalam kegiatan pelanun ialah Sharif Usman dan Sharif Sahib (mengadakan pakatan bersama Dayak di Sakarran dan Saribas). Sharif Usman berada di Teluk Marudu dan mempunyai sekitar 1500

22 FO 572/1, Papers Respecting Borneo 1844-1847, hlm. 11.

23 Piracy (Borneo), Further Papers Relating to the Suppression of Piracy of the Coast of Borneo, April 1850, London, hlm. 1. Menurut James Brooke, penduduk Dayak di Saribas dan Sakarran telah menjatuhkan autoriti pemimpin Melayu di kawasan tersebut dan berubah menjadi lanun. Rujuk surat James Brooke kepada James Gardner, 10 Disember 1841 dalam John C. Templer (ed), *The Private Letters of Sir James Brooke, K.C.B., Rajah of Sarawak: Narrating the Events of His Life, from 1838 to the Present Time*, Vol. 1, London: Richard Bentley, 1853, hlm. 151.

24 William Ewart Gladstone, "Piracy in Borneo and the Operations of July, 1849", *The Contemporary Review*, 1877, Vol. 30, hlm. 196-197.

hingga 2000 orang pengikut. Beliau dikatakan terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam kegiatan pelanunan termasuklah mengetuai aktiviti rompakan dan mengupah Illanun di Tampasuk. Beliau melakukan serangan di sekitar Teluk Marudu dan di Pulau Labuan. Antara serangan yang telah dilakukan ialah terhadap kapal Eropah berhampiran Pulau Mangsi dan serangan terhadap kapal perdagangan “Sultana” di Palawan. Beliau juga turut mengancam untuk menyerang Brunei kerana mengadakan perjanjian dengan kerajaan British bagi menghapuskan kegiatan lanun.

Pemerintah Brunei berhadapan dengan tekanan daripada kegiatan pelanunan apabila para pedagang yang datang secara aman di laut lepas telah dihentikan oleh kapal atau perahu golongan sharif tersebut dan para pengikutnya, lalu kapal mereka dirampas, harta mereka dirompak dan orang mereka diperhambakan. Sharif Usman juga turut membekalkan kumpulan lanun dengan makanan, senjata, garam dan lain-lain di bawah perjanjian bahawa, mereka membayarnya semula pada kadar lima hamba untuk setiap barang bernilai 100 rupee. Sharif Sahib pula misalnya membahagikan hasil rompakan lanun kepada dua bahagian iaitu satu bahagian menjadi miliknya manakala satu bahagian lagi menjadi milik rakan kerjasamanya iaitu komuniti Dayak.²⁵

Penglibatan pemerintah tempatan dalam kegiatan pelanunan ini didakwa James Brooke sebagai masalah paling besar kerana ia menggalakkan lagi aktiviti pelanunan tersebut. Ia termasuklah tindakan Sharif Usman yang menjual hamba kepada Pangeran Usop dengan harga 100 rupee bagi setiap hamba dan Pangeran Usop menjual semula setiap hamba dengan harga 200 rupee kepada kenalan dan jaringannya di Brunei.²⁶ Perkembangan ini telah mendorong Sultan Brunei dan Pangeran Muda Hashim menulis surat kepada James Brooke bagi mendapatkan bantuan dan perlindungan untuk menentang Sharif Usman di Teluk Marudu pada 6 Mac 1845. Sultan Brunei dan Pangeran Muda Hashim mendakwa Sharif Usman tidak berpuas hati dengan mereka kerana mengadakan perjanjian dengan pihak British untuk menghapuskan pelanunan.

Berbeza dengan tindakan yang biasa dilakukan oleh pihak British untuk menghapuskan kegiatan lanun iaitu dengan melakukan serangan terhadap kapal-kapal lanun di laut, James Brooke menganggap tindakan tersebut sebagai sia-sia, tidak akan berkesudahan, hanya membahayakan nyawa para pengikut atau tenteranya dan tidak akan mampu menghapuskan sepenuhnya kegiatan lanun tersebut. Beliau menyifatkan tindakan seperti itu hanya sesuai dilakukan dalam keadaan tertentu sahaja dan ia biasanya hanya sekali-sekala membuahkan kejayaan. James Brooke sebaliknya menegaskan supaya tindakan menghapuskan lanun dilakukan dengan lebih keras lagi iaitu dengan mensasarkan perkampungan atau tempat tinggal komuniti mereka.²⁷ “*My intention, my wish, is to extirpate piracy by attacking and breaking up the pirate towns – not only pirates direct, but pirates indirect.*”²⁸ Ia termasuklah dengan membakar dan memusnahkan tempat tinggal mereka sehingga mereka meninggalkan sepenuhnya kawasan tersebut.

Menurut Brooke, jika tempat tinggal mereka dimusnahkan, mereka tidak akan mampu lagi untuk meneruskan aktiviti dan kegiatan pelanunan. Komuniti lanun yang lemah

25 John C. Templer (ed), *The Private Letters of Sir James Brooke, K.C.B., Rajah of Sarawak: Narrating the Events of His Life, from 1838 to the Present Time*, Vol. 2, London: Richard Bentley, 1853, hlm. 26.

26 FO 572/1, Papers Respecting Borneo 1844-1847, hlm. 13.

27 *Ibid.*, hlm. 14.

tersebut kemudiannya ditempatkan semula secara paksa di tempat baharu yakni di kawasan yang jauh dari pangkalan atau kubu asal mereka selain diharapkan terlibat secara sah dalam bidang pertanian dan perdagangan.²⁹ Dalam hal serangan ke atas lanun ini, James Brooke menjelaskan ia dilakukan persetujuan dengan pemerintah atau kerajaan Brunei namun tidak secara khusus memperkenalkan undang-undang Eropah ke atas lanun tersebut kerana ia hanya akan memburukkan imej British.

Pendekatan tersebut turut dilakukan terhadap Pangeran Usop dan Sharif Usman apabila serangan dilakukan ke atas rumah mereka. Sultan Brunei sebelum itu memberikan amaran kepada Pangeran Usop supaya datang mengadapnya dan memberikan penjelasan mengenai isu pelanunan tersebut. Serangan ke atas Sharif Usman dilakukan sehingga memusnahkan kubu kuatnya di Teluk Marudu dan penawanan kawasan yang dikuasainya. Kematian Sharif Usman dalam serangan tersebut memberikan keyakinan kepada pihak British bahawa tiada lagi serangan lanun daripada pengikut Sharif Usman. Serangan ke atas tempat tinggal turut dilakukan ke atas rumah-rumah masyarakat Ilanun di Pandassan dan Tampasuk.³⁰ Ramai penduduk Ilanun yang terkorban dalam serangan tersebut.

Pendekatan untuk mengatasi masalah lanun juga dilakukan dengan cara memberikan ganjaran kewangan kepada mereka yang dapat menangkap golongan wanita dan kanak-kanak dalam ekspedisi menentang pelanunan. Ia misalnya dilakukan ketika ekspedisi yang diketuai oleh Kapten Farquhar, apabila golongan wanita dan kanak-kanak diselamatkan daripada dibunuh atau dijadikan sebagai hamba. Wanita dan kanak-kanak tersebut kemudiannya berada di bawah perlindungan James Brooke selama dua bulan sebelum akhirnya dilepaskan dan diambil semula oleh ahli keluarga mereka yang datang dari Sarawak. Menurut James Brooke, *"This mode of dealing with the pirates has always been found to have a beneficial effect, and is calculated to introduce a humane system of warfare."*³¹ Matlamat akhir James Brooke bagi menangani masalah lanun ialah untuk mewujudkan pemimpin-pemimpin kerajaan Brunei yang lebih mesra dengan pihak British. Meskipun pelbagai usaha dilakukan untuk membanteras lanun, sehingga tahun 1847, kegiatan lanun masih berleluasa dan melakukan lebih banyak kemusnahan ke atas kapal-kapal dagangan British, *"that the pirates once more threw off all restraint put to sea in large fleets, devastated the coast, and incessantly harassed the trade, with great loss of life."*³²

Kesimpulan

Kepentingan pihak British untuk menghapuskan "lanun" di perairan Borneo adalah semata-mata bagi menjaga kepentingan ekonomi British sendiri. Hakikatnya, ketidakstabilan politik

28 John C. Templer (ed), *The Private Letters of Sir James Brooke, K.C.B., Rajah of Sarawak: Narrating the Events of His Life, from 1838 to the Present Time*, Vol. 3, London: Richard Bentley, 1853, hlm. 42.

29 Robert Anthony, "Turbulent Waters: Sea Raiding in Early Modern South East Asia", hlm. 36. Komuniti lanun yang "lemah" tersebut termasuklah golongan wanita dan kanak-kanak serta lelaki dewasa yang sudah terlalu tua dan uzur. Lihat juga misalnya Owen Rutter, *The Pirate Wind: Tales of the Sea-Robbers of Malaya*.

30 FO 572/1, Papers Respecting Borneo 1844-1847, hlm. 70.

31 Piracy (Borneo), Further Papers Relating to the Suppression of Piracy Off the Coast of Borneo, 15 Ogos 1850, House of Parliament by Command of Her Majesty.

32 Piracy (Borneo), Further Papers Relating to the Suppression of Piracy of the Coast of Borneo, April 1850, London, hlm. 1.

dan masalah perebutan kuasa di Brunei telah menarik pihak British untuk memulakan pertapakannya di Borneo dengan jemputan pemerintah kerajaan Brunei sendiri. Kerajaan Brunei juga tidak terlepas daripada helah dan tipu muslihat yang dirancang oleh James Brooke yang pada awalnya menonjolkan sikap prihatin dan simpati terhadap masalah pemberontakan dan rompak yang dilakukan oleh Pangeran Usop dan Sharif Usman. Pada akhirnya, keprihatinan tersebut adalah sebahagian daripada perancangan jangka panjangnya untuk menguasai Borneo. Tanpa usaha pembanterasan aktiviti pelanunan yang signifikan, British tidak akan mampu menguasai sepenuhnya ekonomi Sarawak dan Labuan. Hal ini kerana golongan yang digelar sebagai “lanun” tersebut sering kali melakukan serangan terhadap kapal-kapal perdagangan British, merampas barangan dagangan dan menjual anak-anak kapal sebagai hamba.

Pasca pembunuhan Pangeran Muda Hashim dan Pangeran Badarudin pada tahun 1846, Sultan Brunei tunduk sepenuhnya kepada British dalam urusan pembanterasan lanun dan pihak-pihak yang menentang British selain berlakunya penyerahan Pulau Labuan. Pada tahun berikutnya, James Brooke telah diberikan panduan dan arahan pentadbiran kolonial di tanah jajahan atas kedudukannya sebagai wakil pihak British di Borneo selain turut menerima gaji sebanyak £500 setahun bermula Februari 1847. Lanun, istilah yang digunakan oleh pihak Barat seiring dengan penjajahan yang berlaku, dijadikan alasan untuk penjajah British campur tangan dalam pentadbiran tempatan bagi membolehkan mereka kemudiannya menguasai wilayah tersebut sekali gus meluaskan empayar British. Ringkasnya, mana-mana individu atau kumpulan yang menyerang British di laut akan digelar sebagai lanun. Sehingga ke hari, istilah dan nama lanun (*pirates*) masih lagi digunakan di negara-negara di Asia Tenggara bagi menggambarkan aktiviti serangan dan rompak di kawasan perairan dan laut lepas meskipun lanun moden tersebut tidak lagi memenggal leher, menangkap manusia untuk dijadikan hamba atau untuk dijual dan tidak lagi menyerang dalam kumpulan yang besar. Lanun pada zaman moden masih wujud dengan penggunaan peralatan serangan yang lebih canggih termasuklah tidak lagi menggunakan perahu, tetapi bot laju dan sistem *Global Positioning System* (GPS) yang tepat selain melakukan serangan dalam kumpulan yang kecil namun lengkap bersenjata moden.

Penghargaan

Artikel ini adalah sebahagian daripada penyelidikan yang dijalankan di bawah Geran Jangka Pendek (No. Projek: 304/PJJAUH/6315766) daripada Universiti Sains Malaysia & Bait Al-Amanah.

Rujukan

- Anthony, R. "Turbulent Waters: Sea Raiding in Early Modern South East Asia", *The Mariner's Mirror*, 2013, Vol. 99, No. 1.
- Ahmad Jelani Halimi, "Lanun, Pedagang atau Penguatkuasa: Kes Puak Iranun di Johor-Riau", Kertas Kerja dalam Majlis Polemik Sejarah Malaysia, Sesi ke-XVII, 22 Februari 2001, Arkib Negara Malaysia.
- Borneo (Piracy). Further Correspondence Respecting Piracy on the Coast of Borneo (In Continuation of Papers presented March 23, 1852). Presented to the House of Commons by Command of Her Majesty, in pursuance of their Address of June 30, 1852.
- FO 572/1, Papers Respecting Borneo 1844-1847.
- Gladstone, W. E. "Piracy in Borneo and the Operations of July, 1849", *The Contemporary Review*, 1877, Vol. 30.
- Macgregor, E. *Papers Relating to the Recent Operations of H.M.S. 'Zephyr' Against Natives of North Borneo, 29 April 1887*, London: Eyre and Spottiswoodes.
- Piracy (Borneo), "Copies or Extracts of any Despatches relating to the Suppression of Piracy off the Coast of Borneo", 8 Mac 1850.
- Piracy (Borneo), Further Papers Relating to the Suppression of Piracy of the Coast of Borneo, April 1850, London.
- Piracy (Borneo), Further Papers Relating to the Suppression of Piracy Off the Coast of Borneo, 15 Ogos 1850, House of Parliament by Command of Her Majesty.
- Rutter, O. *The Pirate Wind: Tales of the Sea-Robbers of Malaya*, Oxford: Oxford University Press, 1986.
- Templer, J. C. (ed), *The Private Letters of Sir James Brooke, K.C.B., Rajah of Sarawak: Narrating the Events of His Life, from 1838 to the Present Time*, Vol. 1, London: Richard Bentley, 1853.
- Templer, J. C. (ed), *The Private Letters of Sir James Brooke, K.C.B., Rajah of Sarawak: Narrating the Events of His Life, from 1838 to the Present Time*, Vol. 2, London: Richard Bentley, 1853.
- Templer, J. C. (ed), *The Private Letters of Sir James Brooke, K.C.B., Rajah of Sarawak: Narrating the Events of His Life, from 1838 to the Present Time*, Vol. 3, London: Richard Bentley, 1853.
- The Straits Times*, "Brooke Dealt Death Blow to Sarawak Piracy", 24 Mac 1956.
- Warren, J. *Iranun and Balangingi: Globalization, Maritime Raiding and the Birth of Ethnicity*, Singapore: Singapore University Press, 2002.
- Warren, J. *The Sulu Zone, 1768-1898: The Dynamics of External Trade, Slavery, and Ethnicity in the Transformation of a Southeast Asian Maritime State*, Singapore: Singapore University Press, 1981.
- Warren, J. "Slave Markets and Exchange in the Malay World, The Sulu Sultanate, 1770-1878", *Journal of Southeast Asian Studies*, 1977, Vol. 8, No. 2.